

31 DEC 1998

Mahathir-Perutusan

PEMULIHAN EKONOMI AKAN BERJAYA JIKA RAKYAT BERSATU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata proses pemulihan ekonomi yang sudah bermula dan menunjukkan prestasi menggalakkan, akan mencapai kejayaan jika kestabilan dan keamanan serta kerjasama dapat dikekalkan.

Perdana Menteri dalam perutusan tahun barunya berkata tahun 1999 yang merupakan tahun terakhir alaf kedua dan abad ke-20, akan menduga ketahanan bangsa Malaysia dan rakyat harus sanggup menghadapi cabarannya.

"InsyaAllah jika kita tabah hati, kita kekalkan kestabilan dan keamanan di negara kita dan jika kita bekerjasama menjayakan strategi pemulihan yang telah kita rancang bersama, kita akan mencapai kejayaan dan kemerdekaan kita akan terus bermakna," kata beliau.

Dr Mahathir, dalam perutusan yang disiarkan oleh RTM malam ini, berkata walaupun tahun 1998 penuh dengan masalah, ia juga memperlihatkan banyak kejayaan bagi negara.

Antaranya ialah pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang merupakan lapangan terbang tercantik dan termoden di dunia, kompleks sukan negara dan penyiapan bangunan tertinggi di dunia, Menara Petronas.

Dr Mahathir juga mempertahankan projek-projek itu yang bukan pembaziran seperti didakwa pengkritik kerana dibina semasa ringgit banyak dan nilainya tinggi dan projek-projek itu jika dibina sekarang tentu kosnya bertambah sekurangnya 50 peratus akibat kejatuhan nilai ringgit.

"Sebenarnya keputusan untuk membina kemudahan ini sebelum kegawatan ekonomi berlaku adalah satu keputusan yang secara kebetulan bijak. Jika tidak, hari ini kita tidak mungkin sama sekali mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

"Sebaliknya kemudahan-kemudahan ini adalah infrastruktur penting untuk menampung keperluan negara yang pesat membangun. Mereka daripada orang asing yang mengkritik kita sebenarnya iri hati," kata Dr Mahathir.

"Rakyat Malaysia berhak berbangga dengan prestasi kita dalam tahun 1998, termasuk kejayaan atlit kita," katanya merujuk kepada kejayaan negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 dan kejayaan meraih 10 pingat emas.

Beliau berkata adalah jelas tidak semua yang berlaku sepanjang tahun 1998 merupakan malapetaka dan rakyat harus bersyukur dengan kejayaan tertentu yang dicapai sepanjang tahun itu.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia bernasib baik, dalam menghadapi dunia sekarang dan abad ke-21 yang mencabar, pengurusan negara tidak menjadikan kita lemah sehingga terpaksa meminta pertolongan daripada kapitalis asing.

"Justeru itu, kita masih bebas dan dapat menguasai keadaan dalam negara kita," kata beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan rakyat supaya terus berwaspada kerana musuh-musuh negara akan terus berusaha menguasai dan menjajah semula negara.

Kuasa-kuasa tertentu akan menggunakan segala senjata dan peralatan yang ada pada mereka untuk memecah-belahkan kita dan menguasai negara kita, kata beliau.

"Pemimpin-pemimpin mereka, media mereka, pedagang mereka, agensi-agensi antarabangsa mereka, agensi penarafan mereka, bank-bank mereka akan melakukan apa sahaja untuk mencapai matlamat ini," kata Dr Mahathir.

Golongan itu, katanya, akan melemparkan segala macam tuduhan terhadap Malaysia untuk mencapai matlamat mereka seperti kononnya Malaysia

mengamalkan pemerintahan tidak telus, kroni-kapitalisme, tidak menghormati undang-undang, tidak demokratik dan tidak menghiraukan desakan penunjuk perasaan di jalan-jalan.

"Tetapi tuduhan yang dilemparkan terhadap kita lebih tepat ditujukan kepada mereka," kata Dr Mahathir sambil menegaskan bahawa merekalah yang mengamalkan semua tuduhan itu.

Katanya pihak yang menuduh kerajaan tidak menghirau desakan penunjuk perasaan sendiri mengenai pengeboman Iraq serta penyiksaan dan pelancaran roket ke atas kanak-kanak dan orang yang tidak mampu mempertahankan diri mereka.

"Mereka adalah seperti ayam jantan yang berkokok berderai-derai tetapi ekornya bergelumang dengan tahi..

"Biarlah mereka berkokok. Kita rakyat Malaysia, bangsa Malaysia akan menentukan negara kita dipulih semula dengan cara yang halal," tegas Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata pihak asing bukan sahaja terus cuba merosakkan ekonomi negara tetapi melalui laporan-laporan yang buruk cuba menjauhkan pelancong dari negara ini selain pelabur-pelabur.

Bagi menangani sebarang kemungkinan Perdana Menteri berkata amatlah penting kerjasama antara kerajaan, pekerja dan swasta mengikut konsep Persyarikatan Malaysia.

"Konsep ini telah menjayakan kita dahulu dan kita yakin ia boleh menjayakan kita sekali lagi," kata Dr Mahathir.

Rakyat juga harus menyokong usaha pemulihan negara dengan mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara.

Dr Mahathir berkata percubaan mungkin dibuat lagi oleh kuasa asing dan media mereka untuk mencetuskan rusuhan di negara ini.

"Oleh itu kita harus berjaga-jaga. Jangalah kita percaya bahawa orang asing berniat baik apabila mereka menghasut rakyat, kononnya keadilan masyarakat boleh dicapai dengan membelakangkan demokrasi, merusuh dan menjatuhkan kerajaan pilihan rakyat," kata beliau.

-- BERNAMA

ZKS RON